



KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025

SEJARAH

1249/1

Kertas 1

1 jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. **Kertas jawapan objektif** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

- 1 Raja dalam kerajaan Alam Melayu berikut dianggap sebagai pemerintah yang suci.

Raja Champa

Apakah gelaran untuk hubung kait dengan pemerintah tersebut?

- A Dewa Siva
 B Dewa Raja
 C Dewa Vishnu
 D Dewa Krishna
- 2 Senarai berikut berkaitan dengan ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka.

Kedaulatan

- A Pembesar dilantik oleh sultan
 B Sultan dapat mengawal rakyat
 C Rakyat mematuhi undang-undang
 D Pentadbiran pusat berjalan lancar
- 3 Dahagi India 1857 merupakan titik tolak kepada perkembangan nasionalisme di India. Apakah tumpuan awal gerakan ini?
 A Membentuk jawatankuasa khas kemerdekaan India
 B Memberikan perhatian terhadap isu sosioagama
 C Mewujudkan perjuangan bersifat radikal
 D Menggiatkan rasa cinta kepada Barat
- 4 Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) dan Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) merupakan antara institusi pendidikan yang menyemarakkan nasionalisme menentang penjajah. Bagaimanakah institusi pendidikan ini berfungsi menyemarakkan nasionalisme?
 A Mewujudkan sistem pendidikan madrasah
 B Mendedahkan pelajar dengan pemodenan Islam
 C Menerima kunjungan ulama dari Sumatera Barat
 D Melahirkan golongan yang memimpin rakyat

- 5 Mengapakah kedua-dua pemimpin tersebut sanggup melibatkan negara mereka dalam Perang Dunia Kedua.

• Benito Mussolini
 • Adolf Hitler

- A Berpakat dengan Soviet Union
 B Tercabar dengan kemajuan Britain
 C Memulihkan semula semangat nasionalisme
 D Membantu Sepanyol dalam perang saudara
- 6 Antara yang berikut, pasukan yang manakah terlibat dalam gerakan anti Jepun?
 I Force 136
 II LTTE
 III MRLA
 IV MPAJA
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 7 Apakah hasil Kongres Melayu yang dijalankan pada 1 Mac 1946?
 A Perjanjian antara British dan Raja-raja Melayu ditandatangani
 B Taraf kewarganegaraan *jus soli* dihapuskan
 C Kuasa Raja-raja Melayu dikembalikan
 D Penubuhan United Malays National Organisation (UMNO)
- 8 Mengapakah Vyner Brooke tidak mampu membangunkan negeri Sarawak?
 A Masalah kewangan
 B Hutang perang yang tinggi
 C Tidak mempunyai pengalaman
 D Tidak mendapat sokongan penduduk peribumi
- 9 Gambar 1 merupakan reaksi orang Melayu membantah pelaksanaan Malayan Union, penentangan ini telah memberi impak besar kepada pentadbiran British di Tanah Melayu sehingga membawa kepada penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.



Gambar 1

Apakah iktibar yang boleh diambil daripada insiden tersebut?

- A Berdaya saing dan kritis
 B Bersabar dan sentiasa tabah
 C Sentiasa tegas dan berintegriti
 D Sopan dan sentiasa berhemah tinggi
- 10 Berbanding dengan perlembagaan sebelumnya, mengapakah Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 dapat diterima oleh masyarakat Tanah Melayu?
- I Penduduk membentuk kerajaan sendiri
 II Pembukaan ruang kewarganegaraan untuk kaum bukan Melayu
 III Pengiktirafan hak keistimewaan orang Melayu
 IV Penguasaan ekonomi oleh masyarakat tempatan
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 11 Parti manakah yang telah membawa masuk fahaman komunis ke negara kita pada awal tahun 1920-an?
- A Parti Kuomintang
 B Parti Komunis Indonesia
 C Parti Komunis Malaya
 D Parti Komunis Nanyang

- 12 Apakah kesimpulan yang anda boleh buat berdasarkan maklumat berikut?

Malayan Chinese Association (MCA)
 di Kuala Lumpur pada 27 Februari 1949


- A Bukan semua orang Cina menyokong komunis
 B Kerakyatan automatik kepada orang Cina
 C MCA menjaga kepentingan orang Cina
 D MCA memiliki pemimpin yang hebat

- 13 Maklumat berikut merujuk parti politik tanah air.

Tahun	1949
Pengasas	Dato' Onn Jaafar
Parti Politik	Independence of Malayan Party (IMP)

Apakah asas penubuhan parti politik tersebut?

- A Rumpun bangsa
 B Bercorak radikal
 C Perpaduan kebangsaan
 D Menolak kerjasama kaum
- 14 Maklumat berikut berkaitan dengan matlamat perjuangan pertubuhan X.



Apakah X?

- A Barisan Pemuda Sarawak (BPS)
 B Pergerakan Pemuda Melayu (PPM)
 C Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)
 D Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS)
- 15 Pernyataan berikut adalah syarat menjadi pengundi berdaftar dalam Pilihan Raya 1955

- Warganegara Persekutuan Tanah Melayu
- Berumur 21 tahun ke atas
- X

Apakah syarat bagi X?

- A Lahir di Persekutuan Tanah Melayu
 B Fasih bertutur dalam bahasa kebangsaan
 C Mengemukakan kertas penamaan calon
 D Tinggal di Persekutuan Tanah Melayu

- 16 Pada tahun 2021, Kerajaan Malaysia telah membuat pindaan umur pengundi, iaitu 18 tahun.
Apakah alasan munasabah pindaan tersebut dilakukan?
- Bilangan penduduk bertambah
 - Kecekapan jentera pilihan raya
 - Pertambahan kawasan pilihan raya
 - Peningkatan kadar kematangan rakyat
- 17 Mengapakah Tunku Abdul Rahman merancang perjalanan rombongan ke Karachi menggunakan kapal laut?
- Mendapatkan sokongan negara serantau
 - Berjumpa dengan Perdana Menteri India
 - Menyusun strategi berunding dengan British
 - Memberi peluang bertemu wakil Pakistan
- 18 Apakah inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?
- Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen
 - Keselamatan dalam negeri
 - Hal ehwal luar negeri
 - Kewarganegaraan
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
- 19 Jawatankuasa sambutan telah dibentuk sebagai persediaan untuk memeriahkan upacara sambutan kemerdekaan negara.
Apakah bentuk persediaan jawatankuasa ini?
- Memilih lagu kebangsaan
 - Menganjurkan kursus protokol
 - Menempah bendera kebangsaan
 - Membina tempat sambutan
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
- 20 Negara kita menyertai pertubuhan berikut selepas mencapai kemerdekaan.

- Komanwel
- AMDA

Apakah faedah yang diperoleh negara daripada pertubuhan tersebut?

- Menguatkan pertahanan negara
 - Meningkatkan prasarana ekonomi
 - Menjamin kebebasan pentadbiran
 - Menambah aset ketenteraan
- 21 Apakah takrif kedaulatan mengikut Bahasa Melayu?
- Negara yang bebas dan merdeka
 - Kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan
 - Kuasa tertinggi terhadap pemerintahan negara
 - Negara berkuasa penuh terhadap pemerintahan
- 22 Pada pendapat anda, siapakah yang memainkan peranan penting bagi memastikan kedaulatan dapat dipertahankan?
- Badan perundangan
 - Badan kehakiman
 - Raja-raja
 - Rakyat
- 23 Perlembagaan Sarawak 1956 memberikan kuasa pentadbiran negeri kepada
- Majlis Negeri
 - Majlis Kerja
 - Majlis Tertinggi
 - Majlis Undangan
- 24 Gambar 2 menunjukkan bangunan parlimen di Malaysia.




Gambar 2

Apakah peranan parlimen dalam pentadbiran negara?

- Membentuk undang-undang negara
- Memilih Perdana Menteri
- Melantik Yang di-Pertuan Agong
- Mengekalkan kedaulatan negara

- 25 Kesultanan Melayu Melaka telah mengamalkan pemerintahan raja berkuasa mutlak. Bagaimanakah konsep ini diperkukuhkan?
- Berkuasa terhadap pentadbiran
 - Berkuasa terhadap kehakiman
 - Berkuasa menasihati negara luar
 - Berkuasa merampas kerajaan lain
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
- 26 Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa dalam pemerintahan dan bertindak mengikut nasihat Perdana Menteri. Antara kuasa eksekutif baginda adalah
- Melantik Jemaah Menteri
 - Melantik Ketua Polis Negara
 - Melantik Menteri Besar
 - Melantik Wakil Rakyat
- 27 Berikut merupakan tiga peringkat pentadbiran kerajaan Malaysia.



Mengapa berlaku pengasingan kuasa seperti berikut?

- Mengelak daripada berlaku rasuah
 - Memastikan sistem demokrasi terjamin
 - Mengukuhkan kedudukan Raja-raja Melayu
 - Melicinkan pentadbiran dan mengelak permasalahan
- 28 Antara berikut, yang manakah matlamat penubuhan program *In-Situ*?
- Memajukan industri berat
 - Menekankan pembangunan fizikal desa
 - Bantuan kewangan kepada bumiputera
 - Membangunkan wilayah baharu

- 29 Apakah rasional idea pembentukan Malaysia?
- Kemajuan ekonomi kepada pihak British
 - Melahirkan tokoh tempatan
 - Keselamatan dari ancaman komunis
 - Negara yang setaraf dengan dunia luar
- 30 Mengapakah Indonesia melancarkan dasar konfrontasi?
- Menggagalkan Melayu Raya
 - Mengancam kedudukan mereka
 - Cemburu dengan penggabungan banyak negeri
 - Takut dengan negara Malaysia yang lebih besar
- 31 Jarak yang memisahkan Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah merupakan antara cabaran selepas pembentukan Malaysia. Apakah cabaran yang dimaksudkan?
- Integrasi nasional
 - Kawalan keselamatan
 - Pengurusan pentadbiran
 - Kemudahan pengangkutan terhad
- 32 Strategy Counterinsurgency (COIN) merupakan salah satu usaha bagi melindungi rakyat daripada ancaman komunis. Apakah langkah yang telah dilakukan melalui strategi tersebut?
- Menyerah diri tanpa sebarang hukuman
 - Memenangi hati dan fikiran rakyat
 - Penempatan semula penduduk
 - Menangkap tanpa perbicaraan
- 33 Berikut merupakan Zon Perindustrian Bebas yang diperkenalkan untuk memajukan bidang perindustrian dan perdagangan negara.

- Bayan Lepas
- Pasir Gudang
- X

Apakah X?

- Teluk Intan
- Pelabuhan Klang
- Kuala Terengganu
- Sabak Bernam

- 34** Apakah bidang asas yang perlu dikuasai murid dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR)?
- A Sains dan teknologi
 - B Ekonomi dan keusahawanan
 - C Kerohanian dan permainan
 - D Kemanusiaan dan alam sekitar
- 35** Rancangan Buku Hijau peringkat kebangsaan telah dilancarkan oleh Tun Abdul Razak Hussein pada 20 Disember 1974. Mengapakah Rancangan Buku Hijau diperkenalkan?
- A Memajukan pelbagai jenis perindustrian
 - B Mempercepatkan pembangunan wilayah
 - C Menggalakkan kemasukan pelabur asing
 - D Menambahkan pengeluaran bahan makanan
- 36** Apakah usaha kerajaan untuk memperbaiki ketidakseimbangan pembangunan wilayah dalam Dasar Pembangunan Nasional (DPN)?
- A Penyebaran industri terpilih
 - B Pelaburan asing dipertingkatkan
 - C Pelaksanaan program pembangunan bandar
 - D Penglibatan bumiputera dalam sektor perusahaan
- 37** Antara berikut negara manakah yang menjalin hubungan dengan Malaysia melalui ikatan sejarah dan budaya serantau?
- I Thailand
 - II Turki
 - III Belanda
 - IV Indonesia
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 38** Apakah manfaat yang diperoleh Malaysia apabila menganggotai Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM)?
- A Hubungan dengan negara lain secara terbuka
 - B Eratkan hubungan dengan negara serantau
 - C Ketua hubungan perdagangan negara anggota
 - D Menyelesaikan masalah antara negara anggota
- 39** Apakah usaha yang dilakukan oleh Malaysia bagi memerangi penyalahgunaan dadah di peringkat antarabangsa?
- A Memusnahkan ladang dadah di sempadan
 - B Menghantar polis ke kawasan segitiga emas
 - C Menjatuhkan hukuman mati terhadap pengedar
 - D Bekerjasama dengan pihak INTERPOL
- 40** Antara berikut, agensi manakah menguruskan mengenai hak asasi dan pelarian?
- I WHO
 - II UNESCO
 - III SUHAKAM
 - IV UNHCR
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT



NO. PENGENALAN DIRI

--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--

KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025

SEJARAH

Kertas 2

2 jam 30 minit

1249/2

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tulis nombor pengenalan diri dan angka giliran anda pada petak yang disediakan.*
2. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.*
4. *Kertas peperiksaan ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

B. CALON BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS

- A MASALAH PEMBELAJARAN
- B KURANG UPAYA PENGLIHATAN (BUTA)
- C KURANG UPAYA PELBAGAI
- D KURANG UPAYA PERTUTURAN
- F KURANG UPAYA FIZIKAL
- P KURANG UPAYA PENDENGARAN
- R KURANG UPAYA PENGLIHATAN (RABUN)

UNTUK DIISI OLEH KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN

C. BAGI CALON KES KHAS HITAMKAN RUANG BERKENAAN

- MENUMPANG TERCICIR
- BANTAHAN HADIR TIDAK MENJAWAB

NO. PUSAT MENUMPANG

D. CALON YANG MEMERLUKAN KEMUDAHAN ATAU PERALATAN TAMBAHAN

- JURUTULIS PEMBACA SOALAN DAN JURUTULIS
- GURU PENDAMPING KOMPUTER

E. BAGI CALON TIDAK HADIR HITAMKAN DAN ISIKAN RUANG INI

- TIDAK HADIR

NAMA KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN

TANDATANGAN

Kertas peperiksaan ini mengandungi 14 halaman bercetak.

Bahagian A
[40 markah]
Jawab semua soalan.

1 Gambar 1 dan 2 menunjukkan Force 136 yang berjuang menentang pendudukan Jepun di negara kita.



Gambar 1



Gambar 2

(a) Nyatakan cara penentangan mereka terhadap Jepun.

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Bagaimanakah gerakan anti-Jepun berikut dilaksanakan?

(i) Operasi Semut di Sarawak.

.....
.....
.....

[2 markah]

(ii) Pemberontakan Jesselton (*Double Tenth*) di Sabah.

.....
.....
.....

[2 markah]

(c) Bagaimanakah sifat berani berkorban yang ditonjolkan oleh pasukan tentera boleh diteladani oleh generasi kini bagi memantapkan kedaulatan negara?

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

2 Gambar 3 menunjukkan anggota rombongan kemerdekaan diarak menuju ke Banda Hilir, Melaka.



Gambar 3

(a) Nyatakan dua orang wakil Parti Perikatan pentadbiran yang menyertai rombongan kemerdekaan ke London.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Jelaskan kejayaan rundingan kemerdekaan tersebut.

.....
.....
.....

[2 markah]

(c) Terangkan kepentingan rombongan kemerdekaan tersebut terhadap Tanah Melayu.

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(d) Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri kepimpinan yang patut dicontohi daripada pemimpin rombongan kemerdekaan tersebut?

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

3 Berdasarkan pernyataan berikut.

Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri meliputi aspek pembangunan sosioekonomi, pemeliharaan khazanah negara, perumahan dan keselamatan.

(a) Namakan dua agensi pembangunan wilayah yang telah diperkenalkan untuk membangunkan wilayah baharu.

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Mengapakah negeri di pantai barat Semenanjung Malaysia tidak termasuk dalam Rancangan Pembangunan Koridor Wilayah?

.....
.....
.....
.....
.....


[4 markah]

(c) Pada pendapat anda, apakah yang boleh dilakukan oleh pemimpin untuk membangunkan ekonomi negara?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

4 Berikut merupakan negara-negara anggota Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN).



(a) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, jelaskan tentang sejarah penubuhan ASEAN.

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

(b) Jelaskan kerjasama sosial antara Malaysia dengan ASEAN.

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

(c) Berjayakah ASEAN mencapai matlamat penubuhannya?
Berikan pendapat.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.

- 5 Gambar 4 dan 5 berikut merupakan pemimpin gerakan nasionalisme yang menubuhkan pertubuhan atau persatuan Melayu yang bersifat sosioekonomi dan politik.



Gambar 4



Gambar 5

- (a) Terangkan perkembangan pertubuhan atau persatuan berikut:
- (i) Kesatuan Melayu Singapura (KMS) [4 markah]
- (ii) Kesatuan Melayu Muda (KMM) [4 markah]
- (b) Mengapakah penduduk bukan Melayu menubuhkan persatuan di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua? [6 markah]
- (c) Perjuangan melalui persatuan lebih berkesan. Jelaskan. [6 markah]
- 6 Gabungan Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) dan All Malaya Council of Join Action (AMCJA) telah menentang rangka Perjanjian Persekutuan 1948.
- (a) Mengapakah gabungan PUTERA dan AMCJA tidak menerima cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kerja? [6 markah]
- (b) Jelaskan kandungan Perlembagaan Rakyat 1947 yang dikemukakan oleh PUTERA-AMCJA. [8 markah]
- (c) Pernyataan berikut merupakan tema Hari Kebangsaan pada tahun 1998.

Negara Kita Tanggungjawab Kita

Sebagai rakyat, mengapakah kita perlu mengamalkan sikap bertanggungjawab kepada negara?


[6 markah]

7 Maklumat berikut berkaitan erti kemerdekaan.

... merdeka bukan sekadar bebas dari cengkaman kuasa dan minda penjajah. Merdeka juga bermaksud menghayati semangat jiwa merdeka dengan menyayangi negara sepenuh hati dan sanggup berkorban untuk negara dengan apa-apa cara sekalipun.

Sumber: Teks ucapan Hari Merdeka 2018 dalam *www.pmo.gov.my*

- (a) Bincangkan kesan kemerdekaan kepada negara kita. [6 markah]
- (b) Gambar 6 berkaitan sambutan kemerdekaan negara kita.



Gambar 6

Sekiranya anda turut berada di Stadium Merdeka semasa pemsyukuran kemerdekaan negara, gambarkan perasaan anda ketika itu. [6 markah]

- (c) Peristiwa kemerdekaan negara perlu dihayati oleh generasi masa kini supaya kedaulatan negara terus terpelihara dan dinikmati generasi akan datang. Beri ulasan anda. [8 markah]
- 8 Pembentukan Malaysia yang terdiri daripada Singapura telah membawa kepada pemisahan Singapura pada tahun 1965.
- (a) Jelaskan faktor yang mendorong pemisahan Singapura daripada Malaysia. [7 markah]
- (b) Terangkan peristiwa pemisahan Singapura daripada Malaysia. [5 markah]
- (c) Kewibawaan pemimpin dalam memperjuangkan maruah bangsa penting untuk mengekalkan kedaulatan negara. Bincangkan. [8 markah]

9 Berikut merupakan logo rasmi sambutan Jubli Emas Rukun Negara (1970–2020).



Gambar 7

- (a) Terangkan sejarah pembentukan Rukun Negara. [4 markah]
- (b) Jelaskan matlamat pembentukan Rukun Negara. [8 markah]
- (c) Prinsip Rukun Negara mengambil kira kepentingan rakyat dan negara. Buktikan. [8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT